

Peluang teroka alam sains di luar bilik darjah

SAINS merupakan satu subjek yang penting dalam memenuhi aspirasi pendidikan kebangsaan dalam kalangan pelajar sekolah.

Selari dengan Akta Polisi Pendidikan Kebangsaan 1996, sains merupakan mata pelajaran teras bagi sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Kurikulum tersebut bertujuan untuk membantu pelajar mengenali diri mereka serta persekitaran melalui pengalaman dan eksperimentasi.

Secara lazimnya, pelajar mempunyai naluri ingin tahu yang tinggi, terutama dalam bidang sains. Oleh itu, keupayaan pelajar untuk mendalami pengetahuan asas sains perlu diberi tumpuan agar mereka dapat memahami serta menguasai teori pembelajaran dengan tepat.

Kejayaan program *Science Outreach* 2015 telah menarik minat pihak Yayasan Komuniti dan Pendidikan Malaysia (MCEF) dan Persatuan Transformasi Masyarakat dan Industri Melalui Pendidikan dan Penyelidikan (PERMIPP) untuk bekerjasama dengan Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear (PPDN) Universiti Putra Malaysia (UPM)



SEBAHAGIAN peserta Program Ilham-UPM *Science Outreach* 2017 yang diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, baru-baru ini

melaksanakan program Ilham-UPM *Science Outreach* 2016 dan diteruskan lagi bagi edisi 2017.

Seramai 40 pelajar tingkatan satu yang terpilih dari seluruh negara menyertai Program Ilham-UPM *Science Outreach* 2017 yang mendedahkan mereka kepada bidang sains dan teknologi secara pendekatan *hands-on* melalui aktiviti dan eksperimen

menarik yang mencabar minda mereka.

Menurut Pengarah PPDN UPM, **Prof. Madya Dr. Fathinul Fikri Ahmad Saad**, program itu antara lain bertujuan memberi peluang kepada pelajar meneroka alam Sains di luar bilik darjah melalui pendedahan eksperimentasi dan memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran Sains.

“Dalam masa yang sama, program ini juga dapat menjana minat kreatif dan inovatif para pelajar selain memupuk nilai-nilai murni seperti sikap kerjasama, berkeyakinan dan bantu-membantu.

“Dengan tercapainya matlamat program, pihak industri yang terlibat juga akan meneruskan lagi program ini selama lima tahun yang akan datang supaya kesemua pelajar tingkatan 1 yang terlibat dapat menyertai program sains outreach sehingga mereka ke Tingkatan 5,” katanya.

Jelasnya, program sedemikian dapat menolong mereka mengenali bakat terpendam dan memilih bidang sains bersesuaian untuk melanjutkan pelajaran di universiti dan seterusnya kerjaya yang sesuai dengan minat mereka.

Sementara itu, Penasihat Program, **Dr. Subapriya Suppiah** berkata program itu dijalankan selama dua hari dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti melibatkan eksperimen sains modul serta lawatan EDUTourism UPM.

“Tiga jenis eksperimen sains modul telah dijalankan selaras dengan objektifnya memberikan pengalaman

menarik kepada pelajar melakukan *hands-on-experiment* melalui aktiviti yang diadakan.

“Kuiz seperti Kahoot juga diadakan selepas setiap sesi eksperimen sains modul untuk memperkasakan pemahaman pelajar terhadap eksperimen yang dijalankan serta menarik konsentrasi mereka terhadap eksperimen sepanjang sesi berlangsung,” ujarnya.

Tambahnya lagi, pelajar yang terpilih mengikuti program itu adalah pelajar cemerlang yang mendapat A dalam kesemua matapelajaran ketika peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan daripada kalangan keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah.

Pelajar yang ditemui rata-rata meletakkan harapan tinggi agar program tersebut dapat diperluaskan ke sekolah lain.

Mereka juga berasa bertuah kerana mendapat peluang untuk menggunakan peralatan sains yang lebih canggih dan kemudahan lain yang disediakan sepanjang program itu.

Mereka juga berpendapat fasilitator adalah sangat baik dan sabar memberikan kami tunjuk ajar. - **NUR FATIEHAH ABDUL RASHID**

APA KATA MEREKA

“PROGRAM ini telah membuka minda saya bahawa sains sebenarnya adalah fenomena yang berlaku di sekeliling kita.



B. RIVENESH, 13
Pelajar MRSM
Kuala Kubu Bharu

“SAYA juga gembira kerana dapat mengenali fasilitator-fasilitator yang sangat baik dan sabar memberikan kami tunjuk ajar, selain berpeluang menambah kawan baharu daripada pelbagai latar belakang.



M. DEEPA, 13
Pelajar Sekolah Menengah
Kebangsaan (SMK)
Jalan Empat, Bangi